

BAB 2

2.1 DEFINISI DAN KONSEP NASIONALISME MENURUT PERSPEKTIF BARAT.

Kebanyakan definisi yang dibuat terhadap perkataan nasionalisme itu agak pelbagai yang mana ianya mengikut suasana atau situasi dan keserasian penggunaannya dalam beberapa perkara. Perkataan nasionalisme berasal dari bahasa Latin iaitu “*Natio*” yang membawa erti tempat kelahiran bangsa, manakala “*isme*” adalah satu fahaman. Nasionalisme bermakna fahaman kebangsaan atau fahaman yang berdasarkan persamaan tanah kelahiran sesuatu bangsa itu.

Menurut Kamus Dewan, nasionalisme ialah perasaan cintakan bangsa sendiri yang mendalam, perasaan mencintai negara dan bangsa sendiri, semangat kebangsaan, pergerakan membebaskan ekonomi negeri dari kuasa asing.¹

Menurut Hans Kohn dalam *International Encyclopedia of the Social Sciences*, beliau telah menyatakan bahawa nasionalisme adalah satu faham yang merangsang ketaatan kepada entiti kelompok di atas segala ketaatan, termasuk ketaatan kepada agama. Ketaatan dan simpati pada kesatuan nasional khususnya dalam integriti bangsa lebih kuat dari segala-galanya. Nasionalisme sangat menjunjung tinggi bangsa, sehingga menyebutnya sebagai ‘tanah tumpah darah’. Maka ianya melahirkan satu perasaan menjunjung tinggi

bangsanya sama ada dalam perkara yang baik maupun buruk, benar maupun salah, tetap membela nama dan harga diri bangsa itu yang diutamakan.²

Menurut fahaman nasionalisme Barat, yang membezakan antara manusia bukanlah keimanan ataupun agamanya tetapi adalah tanah air, bahasa dan bangsanya. Oleh kerana itu, politik diskriminasi bangsa ini telah menjadi amalan hampir di seluruh dunia yang terbabit dengan fahaman nasionalisme. Ianya merupakan salah satu unsur daripada nasionalisme ekstrem yang mengakibatkan timbulnya blok-blok perdagangan dan persenjataan. Kesan fahaman nasionalisme yang ekstrem ini, maka bersemaraklah semangat patriotisme. Seluruh ketaatan berpusat pada tanah airnya semata-mata.³

Merujuk kepada prinsip nasionalisme Barat, manusia hidup demi negaranya dan mengorbankan jiwa raganya untuk kepentingan bangsa. Ikatan yang kuat kepada bangsa telah menjadikan ikatan persaudaraan sesama mereka kuat dan kukuh, bukannya ikatan yang berlandaskan akidah. Seorang nasionalis yang sangat mencintai bangsanya merasa bahawa bangsa dan negara merupakan tempatnya mengabdikan diri. Menurut Barat, agama boleh hidup di bawah naungan fahaman nasionalisme, selama mana ianya mendukung atau sekurang-kurangnya tidak bertentangan dengan semangat nasionalisme yang mereka pegang.⁴

Dalam pentakrifan yang lain, perkataan nasionalisme juga bermakna satui perasaan, bahasa, bangsa, kebudayaan dan konsep negara atau “*nation state*” yang membawa makna kewarganegaraan atau “*nationality*”. Pengertian ini timbul di Eropah pada abad ke 19, yang mana negara-negara di Eropah baru muncul sebagai peninggalan kerajaan Empayar Napoleon. Mereka wujud berdasarkan bangsa, bahasa dan juga hak-hak keazaman negeri untuk menentukan acuan diri mereka sendiri.⁵

Nasionalisme adalah pecahan dari perkataan “*nation*” dan ianya berasal dari perkataan “*natio*” yang bererti kelahiran. Secara umumnya, nasionalisme itu adalah mengandungi perkataan-perkataan berikut :

- a) Nation.
- b) Nationality.
- c) Nation state.

Kesemua perkataan di atas adalah dari perkataan yang serumpun dengan “nasionalisme”, malah perbincangan tentang nasionalisme itu tidak sempurna dan tidak lengkap sekiranya tidak membincangkan perkataan-perkataan tersebut. Justeru itu, secara ringkasnya dibincangkan beberapa maksud perkataan di atas agar ianya lebih memberi kefahaman kepada kita tentang takrif “nasionalisme” itu sendiri.

a) Nation.

Sekiranya diterima bahawa “*nation*” itu adalah berasal dari “*natio*” maka istilah “*nation*” atau bangsa itu adalah berdasarkan kepada unsur ras dan juga unsur jenis manusia. Ini bermakna bahawa “*nation*” atau bangsa ialah sekumpulan manusia yang digolongkan satu sama lain ke dalam sebuah masyarakat menerusi hubungan darah dan ini menunjukkan bahawa masyarakat itu berasal dari keturunan yang satu dan sama.

Menurut A.C Kapur, *Nation* atau bangsa telah disimpulkan sebagai satu kumpulan manusia yang tinggal di sebuah daerah tertentu walaupun tidak semestinya berasal dari daerah yang sama, mereka yang memiliki satu kelompok budaya, adat resam, cita-cita dan hasrat serta kepentingan bersama untuk sama-sama hidup dengan berpegang kepada satu cara yang telah disepakati dengan penuh rasa kehormatan.⁶

b) Nationality.

Istilah “*nationality*” ini pula dibezakan dari perkataan “*nation*”. Makna “*nationality*” ialah “kerakyatan” atau *citizenship*, tetapi pada dua kurun yang lalu, “*nationality*” membawa maksud “perasaan kebangsaan” yang mewujudkan istilah “*nation state*” atau negara bangsa yang diasaskan atas tapak satu-satu bangsa yang berdaulat. Pada ketika itu, istilah “*nationality*” atau perasaan kebangsaan hanya mencerminkan nilai-nilai dan sifat-sifat asasi sesuatu bangsa tanpa menekankan unsur-unsur perundangan.

c) Nation State (Negara bangsa).

Terdapat tanggapan yang mengatakan bahawa nasionalisme ini telah wujud sebelum wujudnya *nation state* atau negara bangsa. Ia wujud dalam bentuk semangat atau sifat semula jadi yang ada pada manusia. Revolusi Perancis pada tahun 1789 dan Revolusi Perusahaan adalah merupakan manifestasi terpenting nasionalisme pada masa itu. Ianya memperkuatkan lagi semangat nasionalisme yang sedia ada. Istilah nasionalisme atau fahaman kebangsaan mula wujud berikutan munculnya beberapa buah *nation state* atau negara bangsa pada abad ke 16 hingga abad ke 18. Negara bangsa ini menjadi lebih mantap selepas Perang Dunia Pertama (1914 – 1918).

Di dalam menerangkan pengertian nasionalisme, *Encyclopedia Britannica* telah menyebutkan:

“Loyalty and devotion to the state such that national interest are placed above individual or global interest. It originates from the assumption that nations are the primary focus of political allegiance. In the religious context, for example: the focus of allegiance would be a supranational group such as Christendom or Christian community modern phenomena”⁷

Takrif ini telah menerangkan bahawa nasionalisme adalah fenomena yang meletakkan kesetiaan dan ketaatan manusia kepada negara, meletakkan kepentingan negaranya melebihi dari segala kepentingan yang lain, sama ada ianya merupakan kepentingan peribadi atau kepentingan negara-negara lain. Fahaman ini adalah bermula dengan andaian bahawa tumpuan utama bagi ikatan politik adalah terletak kepada bangsa. Fahaman ini diasaskan oleh

pemikir politik seperti Machiavelli dan Rousseau. Ia adalah satu fahaman baru yang muncul di zaman moden, akibat daripada pergolakan sejarah yang berlaku di Eropah iaitu perjuangan masyarakat Barat untuk membebaskan negara-negara mereka daripada tekanan pentadbiran dan kezaliman kuasa gereja.⁸

Berdasarkan pendapat dan fahaman yang dibuat oleh Machiavelli dan Rousseau,⁹ itu, penulis membuat kesimpulan bahawa nasionalisme di negara Barat telah cuba memisahkan antara semangat kesetiaan dan ketaatan manusia terhadap negaranya dengan perkara yang berhubung dengan ajaran agama khususnya ajaran gereja Kristian. Ini telah menjadikan semangat nasionalisme sebagai satu semangat yang cuba memisahkan antara urusan keduniaan dengan urusan keagamaan yang dikenali juga sebagai sekularisme. Ia menunjukkan bahawa nasionalisme sebagai lambang penyatuan bangsa dan negara telah melebihi dari kepentingan yang lainnya termasuk agama itu sendiri.

Menurut Hans Kohn iaitu seorang pemikir dan pakar nasionalisme masa kini, beliau telah mengatakan bahawa nasionalisme boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan fikiran yang meresap ke dalam jiwa sebagai satu semangat sebahagian besar rakyat. Beliau juga mengiktiraf negara-negara sebagai satu bentuk organisasi yang unggul dan bangsa sebagai punca segala kehidupan budaya yang membina kekuatan ekonomi. Oleh itu, kesetiaan manusia adalah tertumpu kepada bangsanya kerana kehidupan mereka bergantung kepada kebijakan bangsanya itu sendiri.¹⁰

Menurut Hans Kohn lagi, nasionalisme merupakan gerakan untuk mencipta atau mewujudkan masyarakat yang lebih terbuka bagi mencapai kebahagiaan individu, untuk menjamin kemerdekaan warganegara dan membebaskan akal serta fikiran. Ianya adalah satu semangat yang ditimbulkan oleh kebudayaan, agama, bahasa dan sebagainya. Dengan menggunakan semangat kebudayaan, ianya diharapkan akan mewujudkan perasaan bersatu padu di kalangan rakyat yang dijajah.¹¹

Menurut beliau lagi, setiap pergerakan nasionalisme itu mesti mempamerkan tiga ciri utama, antaranya:

- i) Mewakili satu bangsa dan menghormati prinsip penentuan nasib sendiri (*self determination*) untuk setiap bangsa.
- ii) Menegakkan prinsip kedaulatan rakyat (*will of the people*) dan demokrasi; dan
- iii) Memperjuangkan kesetiaan kepada negara bangsa.

Ciri yang kedua iaitu menegakkan prinsip kedaulatan rakyat dan demokrasi adalah doktrin utama, manakala yang lainnya hanyalah retorik. Kategori-kategori nasionalisme adalah seperti berikut :¹²

- i) Nasionalisme wilayah (*territorial nationalism*).
- ii) Nasionalisme etnik.
- iii) Nasionalisme bahasa.

Hans Kohn telah membuat kesimpulan bahawa nasionalisme adalah satu idea yang mengisi fikiran dan perasaan seseorang dengan pemikiran dan semangat yang baru serta mendorongnya untuk melahirkan kesedaran dalam bentuk tindakan yang tersusun rapi.¹³

Secara umumnya, nasionalisme merupakan satu pergerakan ideologi ke arah mencapai dan mempertahankan hak kekuasaan dan hak peribadi sesuatu kumpulan sosial. Dalam kata lain, nasionalisme adalah satu proses yang menjadikan mereka rela memindahkan kesetiaan utama mereka daripada kampung, wilayah atau raja kepada negara bangsa. Di Eropah, pada abad ke-19, negara bangsa itu seharusnya merupakan asas negara yang berdaulat. Terkandung di dalam doktrin itu andaian bahawa bangsa dan rakyat, sebagai punca kuasa dan kewibawaan yang asasi, harus mengambil bahagian dalam pemerintahan negara melalui institusi-institusi perwakilan yang diwujudkan.

Menurut A.D Smith pula, beliau telah mentakrifkan nasionalisme sebagai satu pergerakan ideologi ke arah mencapai dan mempertahankan hak kekuasaan dan keperibadian sendiri sesuatu kumpulan masyarakat yang mana sebahagian dari ahli menganggapnya sebagai suatu bangsa yang sebenar atau kemungkinan menjadi satu bangsa. Beliau juga mengatakan bahawa nasionalisme ini pada dasarnya menghubungkaitkan tiga perkara iaitu penentuan nasib sendiri secara berkumpulan bagi rakyat, penegasan

keperibadian dan sifat tersendiri bangsa serta pembahagian dunia mengikut garisan tegak kepada negara-negara yang tersendiri.¹⁴

Menurut Walter Theimer dalam bukunya "*Encyclopedia of World Politics*" mengatakan bahawa nasionalisme adalah suatu sentimen kepuakan yang berlandaskan kepada ciri-ciri bangsa, bahasa, kebudayaan yang membezakan antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Sentimen ini telah dibesar-besarkan. Menurut beliau lagi, sentimen kepuakan ini sudah wujud sejak zaman ketamadunan Graeco Roman dan tamadun-tamadun yang dahulu iaitu bermula pada abad ke 18. Nasionalisme telah berusaha untuk meletakkan dirinya di tempat yang tinggi nilainya, mendominasi bidang pemikiran, sentimen dan tindakan manusia. Kepentingan puak telah dijadikan sebagai asas utama atau penentu kepada dasar-dasar perjuangan mereka. Mereka telah memuja dan mengagungkan sejarah, memiliki kekayaan dan kejayaan puak mereka sehingga ke tahap nasionalisme itu seperti agama yang mesti diagungkan.¹⁵

Para pengkaji Sains Politik telah memberi makna yang berbeza terhadap pengertian nasionalisme, antaranya ialah :¹⁶

- i) Carlton Hayes: "Nasionalisme adalah satu kumpulan politik yang bebas dan mempunyai pandangan dunia dan asas budaya yang sama"

- ii) Luigo: "Satu bangsa adalah satu kelompok manusia yang terikat oleh faktor kawasan, darah, bahasa, budaya dan sejarah"
- iii) Hans Kohn: "Perasaan mendalam yang ketara melekat kepada tanah air dan ketaatan yang mutlak kepadanya. Keinginan untuk berkongsi arah tuju bangsa adalah asas kepada nasionalisme, dan ketaatan tidak berbelah bagi kepada tanah air atau bangsa adalah faktor yang paling dominan menjawi perjuangan ini."

Menurut Hans Kohn :¹⁷

*"Loyalty and attachment to a national unity are more significant than any other attachment in the question of nationalism.
Other characteristics of nationalism are pride in the achievements of one's nation, a deep belief in the distinction of one's nations and even its superiority over other nations".*

Analisis dari definisi dan takrif ini, telah menjelaskan kepada kita dua perkara iaitu :

- i) Nasionalisme tidak mengambil kepercayaan agama dan ideologi sebagai asas untuk penyatuan, sebaliknya ia mengambil kira bahasa, kawasan dan bangsa. Bangsa dan tanah air adalah paksi kepada nasionalisme. Menurut fahaman nasionalisme, apa yang membezakan seorang manusia dari yang lain bukanlah agamanya, tetapi tempat lahir, tanah air, bahasa dan bangsanya. Inilah empat pembeza bagi nasionalisme. Sesiapa yang berada di luar pembeza ini dikira sebagai orang asing.

ii) Kesemua kesetiaan berpusat kepada tanah air. Ini bermakna kesetiaan kepada Tuhan, agama, kepercayaan, ideologi dan sebagainya adalah tertakluk di bawah kesetiaan kepada negara dan bangsa. Tidak ada kesetiaan yang dapat melebihi kesetiaan nasionalisme ini dan sekiranya sentimen agama bertentangan dengan sentimen nasionalisme, sentimen agama tidak diikuti dan perlu diketepikan sama sekali.

2.2 SEJARAH NASIONALISME BARAT.

Nasionalisme telah wujud di Eropah sejak abad ke 18 yang lalu yang mana negara-negara di Eropah ketika itu sedang menghadapi masalah dalaman yang disebabkan oleh kepadatan penduduk, kesempitan tanah dan kurangnya sumber-sumber ekonomi. Keadaan geografinya yang bergunung-ganang dan sungainya yang banyak telah menyebabkan tidak tertubuhnya negara-negara besar, sebaliknya wujudnya negara-negara kecil ini lebih menyemarakkan lagi munculnya semangat kebangsaan atau nasionalisme.

Sejak kelahirannya pada abad ke 18 hingga sekarang, walaupun masanya tidaklah begitu lama, namun nasionalisme telah mengalami berbagai perubahan dan perkembangan yang begitu ketara. Pada mulanya nasionalisme merupakan gerakan golongan elit, kemudian ianya telah berubah menjadi perjuangan kaum “*bourgeois*” dan juga golongan pertengahan atau

menengah.¹⁸ Walau bagaimanapun, pada awal kurun ke 20, nasionalisme telah menjadi satu gerakan rakyat yang mahukan perubahan lebih baik dalam bidang politik, sosial, kebudayaan dan semua bidang kehidupan rakyat secara keseluruhannya.

Pada pertengahan dan akhir abad ke 19, nasionalisme telah menjadi falsafah politik di kalangan golongan atasan dan juga puak-puak kanan. Pada ketika itu, nasionalisme masih merupakan pertentangan secara langsung kepada sosialisme, yang mana sudah menjadi pergerakan antarabangsa dengan tujuan membela peladang-peladang yang tidak mempunyai tanah dan juga membela kaum pekerja. Mereka merasakan terasing dalam masyarakat mereka sendiri. Apa yang telah berlaku di Jerman, di mana perundangan yang dibuat oleh Bismark pada tahun 1871 itu telah dianggap sebagai anti sosialis, kerana orang-orang yang berfahaman nasionalisme atau golongan nasionalis telah menganggap bahawa membela kaum pekerja dan peladang yang tidak mempunyai tanah itu sebagai gerakan yang menentang bangsanya sendiri. Akibat dari itu, kekuasaan golongan pemerintah ala Bismark telah digulingkan apabila tertubuhnya “*Republic Weimar*”.¹⁹

Pada abad ke 20 an ini, nasionalisme bukan sahaja dijadikan sebagai ideologi politik, malah ianya juga merupakan suatu tenaga untuk menuntut keadilan ekonomi dan peluang pendidikan bagi golongan yang kurang berupaya. Kita dapat merasai bahawa semua pergerakan nasionalis muda telah

berubah menjadi sosialis yang mana pada abad ke 19, mereka iaitu golongan nasionalis muda dengan nyata telah membezakan antara “Nasionalisme” dan “Sosialisme”.²⁰

2.3 PANDANGAN PEMIKIR BARAT TERHADAP NASIONALISME.

Menurut A.C Kapur dalam bukunya *The Principles of Political Science*, “Nation” atau bangsa telah disimpulkan sebagai suatu kumpulan manusia yang tinggal di sebuah daerah tertentu walaupun tidak semestinya dari asal usul yang sama, merasai memiliki suatu kelompok kebudayaan, adat resam, cita-cita dan hasrat dan kepentingan bersama dengan suatu kemahuan bersama untuk sama-sama hidup dengan berpegang kepada satu cara yang disepakati dengan penuh kehormatan.²¹

Menurut Hans Kohn,²² seorang pemikir dan pakar nasionalisme masa kini, beliau berpendapat bahawa nasionalisme boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan fikiran yang meresap masuk ke dalam jiwa sebahagian besar rakyat yang didakwa menyerap masuk di kalangan semua anggota. Beliau juga mengiktiraf negara-negara sebagai bentuk organisasi yang unggul dan bangsa sebagai punca segala kehidupan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi. Oleh itu, kesetiaan manusia adalah tertumpu kepada

bangsanya kerana kehidupannya sendiri adalah dipercayai berdasarkan kepada kebijakan bangsanya.

Menurut Hans Kohn lagi, nasionalisme merupakan gerakan untuk mencipta atau mewujudkan masyarakat yang lebih terbuka dan untuk mendapatkan kebahagiaan perseorangan, untuk menjamin kemerdekaan warganegara dan membebaskan akal serta fikiran. Ianya adalah satu semangat yang ditimbulkan oleh kebudayaan, agama, bahasa dan sebagainya. Dengan menggunakan semangat kebudayaan, ianya diharapkan akan mewujudkan perasaan bersatu padu di antara rakyat yang dijajah.²³

Menurut A.D Smith pula,²⁴ beliau berpendapat bahawa nasionalisme sebagai satu pergerakan ideologi ke arah mencapai dan mempertahankan hak kekuasaan dan keperibadian sendiri sesuatu kumpulan masyarakat yang sesetengah ahli menganggapnya sebagai suatu bangsa yang sebenar atau kemungkinan menjadi satu bangsa.

Menurut Leon P. Baradat,²⁵ nasionalisme adalah satu idea politik yang paling berpengaruh. Ianya juga merupakan semangat tanggungjawab individu kepada negara yang melibatkan ketaatan dan pengorbanan yang tinggi. Kesetiaan yang tinggi ini adalah perasaan yang sangat mendalam dan ianya akan mewujudkan satu ikatan yang erat dengan tanah tumpah darahnya atau tanah airnya.

Menurut Walter Theimer dalam *Encyclopedia of World Politics*²⁶, beliau berpendapat bahawa nasionalisme adalah satu sentimen kepuakan yang berlandaskan kepada ciri-ciri bangsa terutamanya bahasa dan kebudayaan dengan kecenderungan menekankan perbezaan-perbezaan di antara satu bangsa dengan satu bangsa yang lain. Nasionalisme sebagai perlakuan untuk membesar-besarkan sentimen tersebut.

Menurut beliau lagi, sentimen kepuakan itu telah wujud sejak tamadun Graeco Roman dan juga tamadun-tamadun yang terdahulu lagi. Namun nasionalisme moden muncul hanya sekitar abad ke 18, yang mana ianya telah berusaha untuk meletakkan dirinya sebagai suatu yang paling tinggi nilainya, mencakupi semua bidang pemikiran, sentimen dan tindakan manusia. Penentuan puak menjadi asas kepada penentu dasar mereka. Mereka memuja dan mengagungkan milik, sejarah dan kejayaan puak mereka sahaja sehingga ada ketikanya nasionalisme itu sebagai satu “agama” bagi mereka.

Menurut Stanley I. Benn,²⁷ pula, beliau berpendapat bahawa nasionalisme adalah perasaan kesetiaan terhadap sesuatu bangsa yang mana menyeimbangkan dasar dan kepentingan sesuatu bangsa itu sangat penting apabila ia menghadapi persaingan dengan bangsa yang lain.

Menurut Prof Hertz pula,²⁸ beliau mengatakan bahawa nasionalisme adalah perjuangan mewujudkan persatuan nasional yang meliputi bidang politik, ekonomi, sosial, keagamaan, kebudayaan dan persekutuan yang disertai dengan solidariti. Tambahnya lagi, nasionalisme juga adalah perjuangan untuk mewujudkan perbezaan antara bangsa-bangsa yang wujud. Matlamat perjuangannya adalah untuk memperolehi kehormatan, kewibawaan dan pengaruh di kalangan mereka.

Menurut R.S Chavan, nasionalisme adalah satu sentimen atau perasaan. Ianya merupakan pemikiran dan tindakan yang menunjukkan perasaan cinta kepada bangsa dan negara. Nasionalisme telah wujud di Asia Tenggara sekitar abad ke 20, namun begitu, patriotisme telah lama wujud dan berakar umbi dalam masyarakat di Asia Tenggara. Patriotisme adalah merupakan unsur penting dalam nasionalisme yang bermakna cinta kepada tanah air. Nasionalisme adalah manifestasi kesedaran nasional yang mempunyai beberapa kepentingan, di antaranya :

- i) Perjuangan untuk mewujudkan persatuan nasional yang meliputi persatuan dalam bidang politik, ekonomi, sosial, keagamaan dan kebudayaan.
- ii) Perjuangan untuk mewujudkan kebebasan daripada penguasaan asing atau campur tangan dunia luar.

- iii) Perjuangan untuk mewujudkan perbezaan di antara bangsa-bangsa yang meliputi perjuangan memperolehi kehormatan, kewibawaan dan pengaruh antara mereka.
- iv) Perjuangan untuk menyatukan rakyat sesebuah negara kerana wujudnya keinginan yang kuat dalam kebebasan berpolitik dan mengekalkan identiti serta nilai-nilai negara.²⁹

Menurut Karl Marx pula, beliau berpendapat bahawa nasionalisme wujud disebabkan timbulnya dua golongan yang saling bertentangan antara satu sama lain, saling menindas dan menzalimi antara kedua-dua golongan tersebut sehingga mewujudkan suatu semangat perjuangan yang tinggi demi mempertahankan golongan atau kumpulan mereka.³⁰

2.4 CIRI-CIRI NASIONALISME NEGARA BARAT.

Merujuk kepada sejarah Barat berhubung wujudnya tindakan-tindakan yang didorong oleh nasionalisme, nasionalisme negara Barat boleh ditafsirkan sebagai suatu teori kepada negara bangsa, iaitu mengajak manusia untuk mengenal pasti kepentingan-kepentingan mereka yang bersifat kebangsaan dan untuk menyokong pembentukan sebuah negara bangsa.³¹ Ia merupakan satu fahaman yang menggambarkan suatu kesatuan fenomena politik bersama identiti kewujudan manusia, bersifat eksklusif dan menuntut setiap individu untuk taat setia hanya kepada satu negara bangsa sahaja.³²

Menurut sejarah, nasionalisme negara Barat telah digabungkan bersama liberalisme pada kurun ke 19 kerana pada ketika itu nasionalisme menjadi persoalan yang amat besar dalam perbincangan-perbincangan orang Barat. Golongan liberal yang progresif telah menyokong pergerakan nasionalis dan revolusi-revolusi yang menentang rejim-rejim yang bersifat menindas dan tidak berperikemanusiaan. Gabungan antara nasionalisme dan liberalisme ini juga dikukuhkan setelah termeterainya Perjanjian Vienna. Ini kerana perjanjian ini secara tidak langsung telah meminggirkan kepentingan-kepentingan masyarakat peribumi yang sama-sama menjadi subjek perjanjian.³³

Nasionalisme negara Barat adalah merujuk kepada nasionalisme yang berlaku di negara-negara Barat seperti Perancis, Amerika, Sepanyol dan sebagainya. Ia adalah satu gerakan politik, gerakan pembebasan dan gerakan kemerdekaan. Nasionalisme telah cuba merubah keadaan politik yang dikuasai oleh golongan politik dan golongan gereja kepada sebuah kerajaan yang sah dan mengakui hak-hak warisan rakyat. Ia telah menjadi dasar pemerintahan kerajaan tersebut. Kesan dari Revolusi Perancis, Revolusi Amerika dan Revolusi Perusahaan, maka nasionalisme negara Barat ini telah tersebar. Nasionalisme negara Barat dianggap sebagai satu ideologi baru yang berbeza dengan nasionalisme asal kerana ianya sebagai satu sentimen psikologi.³⁴

Negara yang mengamalkan nasionalisme negara Barat ini adalah seperti negara-negara Eropah dan Afrika. Ia telah menjadikan semangat nasionalisme sebagai satu ideologi politik. Sehingga akhirnya, nasionalisme moden ini telah

mencetuskan pertentangan antara nasionalisme yang membawa kepada pembebasan negara seperti pembebasan Hungary dari Austria pada 1867, pembebasan Bulgaria, Yunani dan Serbia dari Turki pada 1870 dan pembebasan Ireland dari Inggeris pada 1921.³⁵

Terdapat beberapa ciri nasionalisme negara Barat, di antaranya :³⁶

a) Imperialisme: Ianya dari perkataan Latin “Impere” yang bermakna memerintah, menjajah. Ia berkembang menjadi perkataan seperti Imperium, Empire, Emperor, Imperial yang mana ianya berasal dari perkataan “Impere”.

Terdapat beberapa tujuan dan matlamat imperialisme ini, iaitu :³⁷

i) Missionary : Keinginan untuk meluaskan hasil kebudayaan sama ada dalam aspek keagamaan, politik dan teknikal. Ianya tidak boleh disamakan dengan missionary Kristian kerana imperialisme missionary ini lebih berbentuk kebangsaan.

ii) Ekonomi: Motif ini adalah untuk mengeksplotasi ekonomi negara-negara lemah dalam meluaskan perniagaan mereka dan ianya mewujudkan kezaliman dan penindasan dalam aspek ekonomi, kuasa dan keagungan. Tujuan atau matlamat ketiga-tiga aspek ini lebih kepada kekuatan sesuatu bangsa untuk mencapai atau memperolehi kuasa dan keagungan dalam meluaskan taraf dan kedudukan imperialisme mereka. Wujudnya keangkuhan dan kesombongan bangsa putih “White European” terhadap bangsa yang berbeza kulit di Asia dan Afrika, yang mana ianya adalah disebabkan perasaan dendam terhadap bangsa itu.

bangsa dan bahasa bagi membezakan manusia. Ini menjadikan mereka hidup untuk negara dan bangsanya semata-mata tanpa melihat siapakah yang memperjuangkan kebenaran dan hak sebenar. Nasionalisme juga merupakan satu pergerakan ideologi yang mempertahankan hak peribadi dan hak kekuasaan sesuatu kumpulan atau bangsa sehingga ada yang mengagungkan nasionalisme melebihi anutan agama.

2.5 PENERIMAAN DAN PENGAMALAN NASIONALISME BARAT.

Di dalam membincangkan penerimaan dan pengamalan nasionalisme barat ini, ianya boleh dilihat dari 2 sudut iaitu:

- i) Nasionalisme sebagai ideologi.
- ii) Nasionalisme dari sudut sosiologinya.

Dari sudut ideologi, nasionalisme menekankan soal bangsa atau bangsa yang mempunyai hak untuk kebebasan dan memerintah sendiri. Falsafah menentukan pemerintahan sendiri yang dianjurkan oleh Immanuel Kant telah dijadikan sebagai alat politik bagi mendapatkan sokongan dari sudut politik untuk membentuk negara bangsa. Di antara pengikut Kant ialah Fichte, yang mana beliau telah mengehadkan bahawa pengetahuan mengenai dunia luar telah dibatasi dengan kemampuan pancaindera. Maka adalah mustahil sekiranya kita cuba mengatasi kemampuan pancaindera untuk mengetahui dunia luar. Oleh itu, beliau telah mengemukakan suatu kajian yang mengatakan bahawa bentuk kerajaan yang akan menjamin dan mempertahankan kebebasan manusia adalah sebuah kerajaan yang berasaskan kepada negara bangsa.³⁹

Dari sudut sosiologi pula, Emerson berpendapat bahawa nasionalisme adalah disebabkan perubahan yang berlaku dalam sosioekonomi. Beliau mengatakan :⁴⁰

"Nationalism.....has a chronology of its own derived not from the calendar but from the stages of the gradually spreading impact of the revolution

which originated in western Europe. It appears to have an essential role to play for peoples undergoing the kind of social and psychological transformation which what that revolution imposes on them."

Ini bermakna, nasionalisme adalah hasil dari satu proses yang dikaitkan dengan perkembangan kapitalisme yang kuat di England dan Perancis yang telah meningkatkan bilangan kelas borjuis serta perubahan sosial, ekonomi dan politik. Menurut Emerson lagi, revolusi ini bertujuan untuk menghapuskan peraturan lama atau tradisional terhadap pemerintahan, hak milik persendirian yang menjadikan golongan pertengahan boleh mengkritik dan menilai kerajaan. Kesannya adalah kewujudan pemikiran dan falsafah politik pada abad ke 17 di England untuk menuntut pembentukan sebuah kerajaan yang berpegang dan berteraskan kepada undang-undang. Nasionalisme bentuk ini adalah merupakan satu cara untuk merapatkan jurang yang wujud antara golongan order baru dan golongan tradisional.⁴¹

Di Jerman, para nasionalis telah menghadapi isu penyatuan Jerman khususnya semasa berlaku revolusi sekitar tahun 1848. Sejak ratusan tahun, negara Jerman adalah merupakan kumpulan negeri-negeri kecil yang diperintah oleh pemerintahan Holy Roman yang kemudiannya pemerintahan Jerman telah beralih kepada Maharaja Austria yang juga merupakan salah satu negeri di Jerman. Ini menjadikan negeri-negeri Jerman berada di bawah naungan Austria. Sehingga apabila Napoleon Bonaparte I berkuasa, negeri-negeri Jerman ini telah memisahkan diri dari naungan Austria. Perkembangan liberalisme dan nasionalisme telah menggugat empayar Austria. Pada tahun 1848, nasionalisme

Jerman telah diperjuangkan dengan bersungguh-sungguh oleh Parlimen Jerman.⁴²

Dalam proses kebangkitan nasionalisme di Jerman ini, empayar Austria yang mempunyai berbagai bangsa itu telah dibahagikan kepada tiga daerah utama iaitu Austria, Bohemia dan Hungary. Bangsa Jerman sendiri telah menduduki daerah Austria serta beberapa bahagian di daerah Bohemia. Pergerakan nasionalis di beberapa daerah di Jerman mencapai kegagalan dalam mereka memperjuangkan hak kebebasan bangsa serta autonomi pemerintahan. Golongan nasionalis di daerah Hungary dan Bohemia telah gagal untuk mendapatkan sokongan para nasionalis di Jerman dan mereka juga menghadapi masalah dalaman.⁴³

Di Itali, pergerakan dan pengamalan nasionalisme di Itali adalah berpunca disebabkan wujudnya kuasa asing sehingga lahirnya golongan nasionalis yang anti kepada kuasa asing. Para reformis dan pakatan liberalisme juga turut membantu pergerakan nasionalis di Itali ini.⁴⁴

Faktor yang meletakkan tiada perbezaan bangsa, agama dan bahasa bagi rakyat Itali itu sepatutnya memudahkan bagi mereka untuk menggerakkan semangat nasionalisme. Namun ianya berlaku sebaliknya, Ini disebabkan wujudnya perbezaan ideologi di antara mereka. Terdapat dua kumpulan ideologi di Itali, di mana satu kumpulan berfikiran sederhana, tidak

antimonarki, tidak anti gereja dan takut kepada sosialisme. Kumpulan ini diwakili oleh golongan atasan dan golongan menengah. Manakala, satu kumpulan lagi adalah golongan radikal seperti Mazzini yang memperjuangkan konsep republik tetapi mereka mengetepikan soal kepentingan sosio ekonomi golongan bawahan. Kumpulan radikal ini lebih memperjuangkan penyingkiran kuasa asing dan penubuhan sebuah negara republik di Itali.⁴⁵

Di Perancis pula, berkembangnya rasa cinta terhadap tanah air atau negara telah diterima dengan baik oleh masyarakatnya, ianya dibuktikan dengan lahirnya Revolusi Perancis yang dilakukan oleh rakyat Perancis untuk menggulingkan keagungan dan kekejaman Raja Louis dan mereka menginginkan bentuk demokrasi di Perancis. Seluruh rakyat telah bangkit untuk menegakkan hak asasi manusia. Menurut Emerson,⁴⁶ Revolusi Perancis ini bertujuan untuk menghapuskan peraturan lama atau tradisional terhadap pemusatan kuasa pemerintahan, hak milik persendirian yang mana ianya telah menjadikan golongan pertengahan boleh mengkritik dan menilai pihak kerajaan.⁴⁷

2.6 KESIMPULAN BAB :

Sebagai kesimpulan, dapatlah dinyatakan bahawa definisi atau takrif nasionalisme menurut perspektif Barat lebih tertumpu kepada situasi serta keadaan yang berlaku pada ketika itu. Ianya lebih mementingkan tanah air,

bangsa dan bahasa bagi membezakan manusia. Ini menjadikan mereka hidup untuk negara dan bangsanya semata-mata tanpa melihat siapakah yang memperjuangkan kebenaran dan hak sebenar. Nasionalisme juga merupakan satu pergerakan ideologi yang mempertahankan hak peribadi dan hak kekuasaan sesuatu kumpulan atau bangsa sehingga ada yang mengagungkan nasionalisme melebihi anutan agama.

NOTA HUJUNGAN BAB 2 :

1. *Kamus Dewan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka, 1991) Cet.2, Edisi Baru, hal. 858.
2. Hans Kohn, *International Encyclopedia of Social Science*, (London : Macmillan Company & The Free Press, New York, 1968), hal. 64.
3. Ibid, hal. 64.
4. Ibid, hal. 65.
5. Hans Kohn, *Nationalism: Its Meaning and History*, (New York : Van Nostrand, Princeton, 1955), hal. 25.
6. A.C Kapur, *The Principles of Political Sciense*, (New Delhi : S.Chand and Company, 1977), hal. 65.
7. Hans Kohn, "Nasionalism" *Encyclopedia Britannica*, Jilid 16, (London : William Benton Publisher, 1969), hal. 61.
8. Ibid, hal. 62.
9. Ibid, hal 62.
10. Ibid, hal. 63.
11. Hans Kohn, *The Idea of Nationalism*, (Ontario: The MacMillan Company, 1969), hal. 16.
12. Ibid, hal. 17.
13. Ibid, hal. 19.
14. A.D. Smith, *Theories of Nationalism*, (London : Duckworth, 1971), hal. 23.
15. *Ensiklopedia Malaysiana*, (Kuala Lumpur : Anzagain Sdn Bhd, Jilid 9, 1995), hal. 38.
16. A.C Kapur, op.cit, hal. 70.
17. Hans Kohn, op.cit., hal. 64.
18. Ibid, hal. 65.

19. Ibid, hal. 65.
20. Ibid, hal. 66.
21. A.C Kapur, op.cit., hal. 120.
22. Hans Kohn, op.cit., hal. 19.
23. Ibid, hal 65.
24. A.D. Smith, op.cit., hal. 66.
25. Ensiklopedia Malaysiana, op.cit., hal. 37.
26. Ibid, hal. 38.
27. Ibid, hal. 38.
28. Ibid, hal. 38.
29. Ibid, hal. 39.
30. Ibid, hal. 37.

31. Leon P. Baradat, *Political Ideologies: Their Origins and Impact* ed. Ke 6, Prentice – Hall International, Inc. ,1997, hal. 44.
32. Ibid, hal. 56.
33. Wilbert E. Moore, *Perubahan Sosial* , terj Cheu Hock Tong, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), hlm. 137.
34. Hans Kohn, op.cit, hal. 64.
35. Dr. Siddiq Fadhil, *Nasionalisme Menurut Para Pemikir Islam*, Pembina Generasi, November 1984, hal.52.
36. Aminuddin Nur, *Pengantar Studi Sejarah Pergerakan Nasional*, (Jakarta : T.T Percetakan, 1966), hal. 108.
37. Richard Neiburh , *The Structure of Nations and Empire*, (New York : Charles Scribner's Sons, 1959), hal. 201.
38. Aminuddin Nur, op.cit., hal. 108.

39. Mohammed Muslehuddin, *Islamic Socialism : What It Implies*, (Lahore: Islamic Publication Ltd, 1975), hal. 10-11.
40. E. Kedourie, *Nationalism*, (London : Hutchinson University Books, 1966), hal. 106.
41. Rupert Emerson, *From Empire To Nation*, (Boston : Beacon Press, 1962), hal. 93.
42. *Ibid*, hal. 96.
43. R Suntharalingam dan Abdul Rahman Ismail, *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, (Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1985), hal. 242.
44. *Ibid*, hal. 244.
45. P.N Stearns, *The Revolutions of 1848*, (London : Weidfeld and Nicolson, 1974), hal. 123.
46. Rupert Emerson, op.cit., hal. 94.
47. R Suntharalingam, op.cit., hal. 242.